

# Lawatan PM ke Itali tingkat kerjasama dagang, pertanian

UM: ISITH 25/6/2007

Daripada **BADRUL AZHAR RAHMAN**

**ROM** 24 Jun – Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Itali akan mencari jalan untuk meningkatkan kerjasama Malaysia-Itali khususnya dalam bidang perdagangan dan pertanian, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, hari ini.

Beliau berkata, kerjasama Malaysia-Itali pada masa ini hanya tertumpu pada bidang pertahanan tetapi Malaysia merasakan hubungan itu boleh dikembangkan lagi kepada bidang-bidang lain termasuk bioteknologi.

Lawatan Abdullah selama tiga hari yang bermula hari ini merupakan lawatan rasmi yang pertama oleh Perdana Menteri Malaysia ke Itali dalam tempoh 25 tahun.

Menurut Syed Hamid, dalam rangka lawatan kali ini, Malaysia akan menandatangani dua perjanjian yang merangkumi

kerjasama dalam bidang perdagangan dan ekonomi serta pertanian.

“Walaupun sebelum ini tiada lawatan rasmi oleh pemimpin dari Malaysia tetapi hubungan kedua-dua negara adalah baik.

“Kita merasakan lawatan rasmi ini akan meningkatkan kerjasama yang ada ke tahap yang lebih mendalam,” kata Syed Hamid kepada para wartawan Malaysia di sini.

Beliau berkata, Abdullah akan mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Itali, Romano Prodi esok sebelum kedua-duanya menyaksikan upacara menandatangani perjanjian kerjasama dalam bidang perdagangan, ekonomi dan pertanian.

“Tidak ada isu khusus dan perbincangan kedua-dua pemimpin terbuka pada apa juga yang mahu dibangkitkan,” kata Syed Hamid.

Di sebelah petang, Perdana Menteri akan melawat Pusat Penyelidikan Cassacia untuk meninjau kerja-kerja penyelidikan bio-

**Kita merasakan lawatan rasmi ini akan meningkatkan kerjasama yang ada ke tahap yang lebih mendalam**

**SYED HAMID ALBAR**  
Menteri Luar

teknologi di situ.

Kata Syed Hamid, keesokannya, Abdullah akan mengunjungi Pusat Kebudayaan Islam di Viale delle Moschea, di sini bagi melihat secara dekat aktiviti di pusat tersebut yang merupakan pusat agama Islam terbesar di Eropah.

Perdana Menteri akan menyampaikan sumbangan berjumlah 10,000 Euro (RM45,000) kepada pusat berkenaan sebagai menunjukkan minat Malaysia terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankannya.

Selepas itu, Abdullah akan menyampaikan ucapan pada Forum Perniagaan Malaysia-Itali di Hotel Westin Excelsior.

Lebih 200 ahli perniagaan Malaysia dan Itali dijangka menghadiri forum tersebut dan beberapa perjanjian akan ditanda-

ngani antara sektor swasta di kedua-dua negara tersebut.

Menurut Syed Hamid, perbincangan yang diadakan antara pemimpin dan ahli-ahli perniagaan sempena lawatan ini penting kerana Itali sudah maju dari segi teknologi, malah hasil produknya juga sudah meluas.

Nilai perdagangan Malaysia-Itali pada masa ini berjumlah AS\$2 bilion (RM6.8 bilion) tetapi ia hanya tertumpu pada bidang pertahanan.

“Kita berharap lawatan ke Itali ini akan mencapai kejayaan besar sebagai negara terakhir dilawati oleh Perdana Menteri dalam rangka lawatannya kira-kira seminggu ke Eropah,” katanya.

– Utusan

FOUNDATION  
TAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA